



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 9 DISEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	SIDANG DUN : PERMOHONAN SEMULA SKIM BANTUAN BULANAN JKM JIKA PINDAH DAERAH ATAU NEGERI		POSITIF

<https://pahangmedia.my/archives/49915>

PAHANGMEDIA.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	BANJIR DI TUJUH NEGERI MAKIN PULIH		POSITIF

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297283/banjir-di-tujuh-negeri-makin-pulih>

HMETRO.COM.MY

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/08/banjir-7-negeri-makin-pulih-mangsa-turun-kepada-991-orang>

FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	HALUAN MALAYSIA DEPLOYS VOLUNTEERS TO AID ACEH FLOOD VICTIMS		POSITIF

<https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/haluan-malaysia-deploys-volunteers-to-aid-aceh-flood-victims/>

THESUN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	REALITI PENDERAAN LELAKI YANG JARANG DIBICARAKAN		NEUTRAL

<https://malaysiagazette.com/2025/12/08/realiti-penderaan-lelaki-yang-jarang-dibicarakan/>

MALAYSIAGAZETTE.COM

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KES KANAK-KANAK PEREMPUAN LEMAS DI LENGGENG ADA UNSUR PENGABAIAAN – POLIS		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/08/kes-kanak-kanak-perempuan-lemas-di-lenggeng-ada-unsur-pengabaian-polis/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/5-individu-diambil-keterangan-kes-kanak-kanak-lemas-di-kolam/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297501/5-diambil-keterangan-kes-kanak-kanak-lemas-di-rumah-kelab	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759816/berita/semasa/kanak-kanak-lemas-di-rumah-kelab-polis-rakam-keterangan-lima-individu	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	DUA KOLAM RENANG LOKASI KANAK-KANAK LEMAS TIDAK ADA LESEN OPERASI		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/dua-kolam-renang-lokasi-kanak-kanak-lemas-tidak-ada-lesen-operasi/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	IBU, ANAK DERA AMAH SEHINGGA LECUR LENGAN TANGAN DIREMAN 4 HARI		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/08/ibu-anak-dera-amah-sehingga-lecur-lengan-tangan-direman-4-hari/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1482356/dera-pembantu-rumah-wanita-anak-lelaki-ditahan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297374/wanita-anak-lelaki-dera-pembantu-rumah-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dera-pembantu-rumah-wanita-dan-anak-lelaki-ditahan-550922	ASTROAWANI.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/08/mother-son-arrested-for-alleged-abuse-of-domestic-helper-in-gombak	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2500157	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/12/08/cops-remand-woman-for-abusing-maid-in-rawang	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/crime/domestic-helper-abuse-woman-and-son-remanded-for-four-days/	THESUN.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/762912	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/08/wanita-dera-amah-direman-4-hari	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/wanita-dan-anak-lelaki-ditahan-disyaki-dera-pembantu-rumah/	THESUN.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/08/gombak-domestic-helper-abuse-woman-son-remanded-for-four-days/201207	MALAYMAIL.COM	
	https://mediaselangor.com/en/2025/12/334366/gombak-domestic-helper-abuse-woman-son-remanded-for-four-days	MEDIASELANGOR.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=LjEnTjZRQ6Y	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	DUA PELAJAR OKU DI MARANG MENDAKWA JADI MANGSA AMANG SEKSUAL		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1482552/dua-pelajar-oku-di-marang-mendakwa-jadi-mangsa-amang-seksual	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759817/berita/semasa/polis-siasat-2-pelajar-oku-dakwa-jadi-mangsa-amang-seksual-di-asrama	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/polis-siasat-dua-kes-amang-seksual-terhadap-pelajar-oku-di-asrama-marang/	THESUN.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297557/polis-siasat-dakwaan-dua-pelajar-oku-jadi-mangsa-amang-seksual-di-asrama	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/08/polis-siasat-2-pelajar-oku-jadi-mangsa-amang-seksual-di-asrama	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-dakwaan-2-pelajar-oku-jadi-mangsa-amang-seksual-di-asrama/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/08/dua-pelajar-oku-dakwa-jadi-mangsa-amang-seksual-di-asrama/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/762945	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/08/cops-probe-reports-of-sexual-abuse-against-students-with-disabilities	THESTAR.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=viX8vQmW6aA	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	DUA BERADIK DIDAKWA CABUL SEPUPU LIMA TAHUN LALU		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297412/dua-beradik-didakwa-cabul-sepupu-lima-tahun-lalu	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/abang-adik-didakwa-cabul-sepupu-perempuan-lima-tahun-lalu/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/08/dua-beradik-perkosa-sepupu-dalam-stor-bilik-di-tangkak/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=tOTq83zIrVs	YOUTUBE	
	https://www.getaran.my/artikel/semasa/61734/amang-seksual-sepupu-2-beradik-didakwa	GETARAN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	SUSPEK ROGOL WARGA BANGLADESH DITAHAN DI KLIA		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/jenayah/suspek-rogol-warga-bangladesh-ditahan-di-klia/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297518/suspek-rogol-lari-ke-bangladesh-ditahan-ketika-cuba-masuk-semula-ke	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759823/edisi/melaka-ns/lelaki-bangladesh-rogol-gadis-16-tahun-hingga-hamil	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/08/lelaki-bangladesh-ditahan-di-klia-rogol-mangsa-hingga-hamil/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	WANITA DITEMUKAN LEMAS, MPV TERJUNAM DALAM SUNGAI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-ditemukan-lemas-mpv-terjunam-dalam-sungai/	BULETINTV3.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759820/edisi/johor/wanita-maut-kereta-terbabas-ke-dalam-sungai	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm//news.php?id=2500242	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1332881/woman-dies-after-mpv-plunges-sungai-muar	NST.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2500248	BERNAMA.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/12/08/woman-dies-after-car-plunges-into-river-in-johor	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	WANITA ALAMI MASALAH MENTAL HILANG DI SIBURAN DITEMUKAN SELAMAT		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-alami-masalah-mental-hilang-di-siburan-ditemukan-selamat	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.theborneopost.com/2025/12/08/missing-padawan-woman-found-safe-after-three-days-of-search/	THEBORNEOPOST.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SIDANG DUN : PERMOHONAN SEMULA SKIM BANTUAN BULANAN JKM JIKA PINDAH DAERAH ATAU NEGERI

8 December, 2025



Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sabariah Saidan ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemayan, YB Tuan Khaizulnizam Mohamad Zuldin dalam Mesyuarat ke-3 Penggal ke-4 Dewan Negeri Pahang ke-15 bertempat di Wisma Sri Pahang.

Oleh : Norhafizan Zulkifli

Foto : Ezzatul Syafiq Asmawai

KUANTAN, 08 DISEMBER 2025 : Penerima skim bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang berpindah ke daerah atau negeri lain perlu membuat permohonan semula bagi memastikan proses pemantauan dan semakan berjalan lancar dan efektif.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sabariah Saidan berkata, ia adalah berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan (Bulanan) 2025 dikeluarkan JKM mengenai penamatan skim bantuan bagi penerima yang berpindah tempat tinggal ke daerah atau kawasan lain.

Katanya, sistem pemantauan dan semakan adalah penting bagi memastikan bantuan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

"Apabila penerima bantuan berpindah ke kawasan luar pentadbiran daerah, ia menjadi cabaran kepada JKM untuk melaksanakan semakan dan menilai semula status kelayakan mereka.

"Dengan cara ini JKM dapat mengurangkan risiko penyalahgunaan bantuan dan memastikan bahawa penerima yang layak menerima bantuan yang berterusan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemayan, YB Tuan Khaizulnizam Mohamad Zuldin dalam Mesyuarat ke-3 Penggal ke-4 Dewan Negeri Pahang ke-15 bertempat di Wisma Sri Pahang, di sini hari ini.

Tambahnya, walau bagaimanapun, permohonan baharu daripada penerima yang telah berpindah ke daerah atau negeri lain akan dipertimbangkan sebaik mungkin dan kebarangkalian untuk lulus adalah tinggi. -PAHANGMEDIA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir di tujuh negeri makin pulih

Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my



Sisa takungan air banjir masih kelihatan selepas paras air sungai surut. FOTO NABILA ADLINA AZAHARI

Kuala Lumpur : Seramai 991 mangsa banjir daripada 259 keluarga masih berlindung di 18 pusat pemindahan sementara (PPS) yang beroperasi di tujuh negeri, setakat jam 1 pagi, hari ini.

Berdasarkan portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah itu menunjukkan penurunan berbanding 1,539 mangsa yang direkodkan pagi semalam.

Sebanyak tujuh PPS masih beroperasi di Perak, manakala empat lagi di Terengganu, diikuti Selangor dan Sarawak masing-masing dua serta Kelantan, Pahang dan Sabah masing-masing satu.

Keseluruhan mangsa banjir membabitkan 329 lelaki dan 309 perempuan, manakala 329 kanak-kanak, 24 bayi, 124 warga emas dan 25 orang kurang upaya (OKU).

Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang di empat negeri sehingga 9 pagi hari ini.

Menurut kenyataan MetMalaysia, cuaca buruk itu dijangka melanda di seluruh Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Perak (Manjung, Perak Tengah, Bagan Datuk dan Hilir Perak) dan Sarawak: Kapit (Belaga) dan Miri (Telang Usan).

"Amaran dikeluarkan apabila terdapat tanda-tanda menunjukkan ribut petir dengan intensiti hujan melebihi 20 mm/jam yang hampir atau dijangka berlaku melebihi sejam.

"Amaran ribut petir adalah amaran jangka pendek yang sah dalam tempoh tidak melebihi enam jam untuk satu-satu keluaran," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



BERNAMA

Haluan Malaysia deploys volunteers to aid Aceh flood victims

Bernama | Monday, 8 Dec 2025, 4:05 pm

Haluan Malaysia sends a relief team to Aceh with RM10,000 in supplies, as volunteers describe a critical situation worse than the 2004 tsunami.

GEORGE TOWN: Pertubuhan Himpunan Lepasani Institusi Pendidikan Malaysia (Haluan Malaysia) has dispatched its first volunteer team to provide aid to flood victims in Aceh, Indonesia.

The team, led by the NGO's Welfare and Humanitarian Cluster vice president Dr Baharudin Suri, departed from Penang International Airport today carrying essential food supplies and medicines.

Haluan Malaysia Welfare Bureau head Abdul Halim Kudri said three volunteers would first assess the situation on the ground before providing emergency assistance.

"We have been informed that the floods have claimed over 1,000 lives, with many others still missing," he said at the airport today.

He said the initial focus would be on distributing food supplies and medical aid, with a lorry and two cars transporting essential goods worth about RM10,000.

"It is learnt that food supplies in the area have run out, and we hope our volunteers and the aid they bring can provide some relief," Abdul Halim added.

The volunteer team will operate from the Haluan Barakah Learning Centre in PD Jaya, Aceh, which survived the disaster but is surrounded by heavily affected communities.

Abdul Halim said Haluan Malaysia expects to send between 40 and 50 volunteers in stages to help, noting the NGO had sent 14 teams during the 2004 tsunami.

Penang Haluan Malaysia advisor Ahmad Shukri Nordin said the situation in Aceh remains critical, with reports indicating more victims have died from starvation than the initial flood impact.

"The destruction this time is worse than what we witnessed during the tsunami," he said, calling on Malaysians to channel funds through Haluan Malaysia.

Volunteer Marwansyah Ismail, 49, described the situation as a mud flood that had buried numerous villages under metres of thick mud.

He said several of his relatives in Timang Gajah, Bener Meriah, have remained out of contact since the disaster struck.

"We can only pray and hope that they can be found soon," said Marwansyah, who has lived in Penang for 24 years.

He said his family in Aceh reported the situation was still critical, with authorities urging the disaster be declared a national and international emergency.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Realiti penderaan lelaki yang jarang dibicarakan

Diri Berita - 9 Disember 2023



Tidak mengapa jika seorang lelaki menitikkan air mata kerana kekecewaan atau kesedihan – kerana Allah tidak mengira air mata manusia. Gambar: Nippon

Oleh: Mohd Afifuddin Mohamad

PENDERAAN terhadap lelaki adalah isu yang jarang diperkatakan, namun realitinya ia wujud di sekeliling kita. Selama ini, apabila menyentuh soal mangsa keganasan rumah tangga, kebanyakan orang membayangkan wanita. Hakikatnya, lelaki juga boleh menjadi mangsa penderaan, sama ada secara fizikal mahupun emosi. Air mata lelaki mungkin jarang kelihatan, tetapi luka di hati mereka boleh jadi amat mendalam apabila didera.

Walaupun jumlah mangsa wanita lebih tinggi, data menunjukkan lelaki tidak terkecuali menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat 1,865 kes keganasan rumah tangga melibatkan mangsa lelaki pada tahun 2024 (meningkat berbanding 1,213 kes pada 2023). Malah, sepanjang tujuh bulan pertama 2025 sahaja, 1,183 kes telah dilaporkan. Secara keseluruhan, dianggarkan sekitar 25% (suku) daripada mangsa keganasan rumah tangga di Malaysia dalam tahun 2022-2024 adalah lelaki. Angka-angka ini membuktikan bahawa isu ini bukan terperi.

Bentuk penderaan yang dialami lelaki serupa dengan yang dialami mangsa wanita. Ia merangkumi penderaan fizikal dipukul, ditendang, disepak terajang atau diancam dengan objek berbahaya serta penderaan emosi seperti dihinai, dipersendakan, dikawal pergerakan, dilarang berhubungan dengan keluarga atau rakan, dan diugut.

Setengah lelaki mungkin mengalami penderaan psikologi jangka panjang yang merasakan harga diri, contohnya isteri memperlekehkan suami secara berterusan atau memanipulasi emosi. Penderaan seksual atau kawangan (pasangan mengawal duit sepenuhnya) juga boleh berlaku. Kes-kes begini sering berlaku dalam senyap kerana mangsa lelaki cenderung memandang derita tanpa menceritakannya kepada orang lain.

Cabaran dan persepsi masyarakat

Stigma masyarakat menjadi cabaran utama yang menyebabkan penderaan terhadap lelaki kurang dilaporkan. Ramai lelaki bersetia malu, takut dan bimbang dipandang rendah jika mengaku diri mereka didera. Persepsi lapuk bahawa "lelaki mesti kuat" membuatkan mangsa lelaki sukar dicermi sebagai lemah. Akibatnya, ramai yang memilih untuk berdiam diri dan menderita sendirian daripada mencari pertolongan.

Untuk mengatasi masalah ini, sikap masyarakat perlu berubah. Kita hendaklah lebih empati dan tidak menyalahkan mangsa lelaki. Jangan anggap isu keganasan rumah tangga hanya isu "kaum wanita" semata-mata ia adalah isu kemasyarakatan yang boleh menimpa sesiapa tanpa mengira jantina. Apabila seorang lelaki berani tampil membuat aduan, berikis sokongan dan galakan, bukan prejudis atau ejekan.

Kesedaran awam juga perlu ditingkatkan bahawa tiada sesiapa patut didera dan mangsa lelaki berhak mendapat keadilan dan perlindungan sama seperti mangsa wanita. Di Malaysia, pihak berkuasa telah mengorak langkah positif. Kempen kesedaran kini bersifat lebih inklusif, menekankan bahawa keganasan rumah tangga boleh menimpa lelaki atau wanita.

Malah, kerajaan melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPKKN) melaksanakan Program Lelaki Budiman Negara yang bertujuan memperkasa peranan lelaki sebagai suami, bapa dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab. Ini termasuk menyediakan modul pendidikan khas agar golongan lelaki lebih peka peranan mereka dan mampu membina keluarga harmoni tanpa keganasan.

Konsep lelaki qawwam dalam Islam

Islam sejak awal lagi mengangkat peranan lelaki sebagai qawwam. Istilah qawwam berasal daripada Surah An-Nisa' ayat 34, yang menegaskan lelaki adalah "pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab" ke atas wanita (keluarga). Maksudnya, lelaki diberi amanah sebagai pemimpin, pelindung dan wali kepada keluarga di bawah tanggungjawabnya.

Tanggungjawab ini merangkumi menjaga kebajikan, keselamatan dan maruah ahli keluarga tersebut. Seorang lelaki qawwam sejati akan membimbing keluarganya ke arah kebaikan dunia dan akhirat, bukan menzalimi atau mengabaikan mereka. Penting ditekankan bahawa konsep lelaki qawwam bukan lesen untuk menindas, tetapi satu amanah yang perlu dipenuhi dengan adil dan ihsan.

Malah, Islam mengingatkan bahawa kegagalan lelaki menghayati peranan qawwam boleh membawa kepada pelbagai masalah sosial antaranya lelaki yang cular menaikan nafkah dan melibatkan penderaan terhadap ahli keluarganya merupakan contoh pemimpin keluarga yang gagal. Oleh itu, qawwam menuntut lelaki bersikap amanah, kasih sayang, sabar dan menghormati pasangan serta anak-anak.

Membangun kesejahteraan emosi lelaki dalam perspektif Islam

Masyarakat perlu akui bahawa lelaki juga berisiko mengalami masalah emosi dan penderaan. Menurut data terkini, banyak lelaki menjadi mangsa keganasan rumah tangga bukan hanya wanita. Islam memandang serius soal emosi dan keselamatan individu; ia menekankan pengawalan perasaan dan tolak ansur dalam keluarga. Berikut beberapa langkah praktikal yang disarankan, selari dengan ajaran Islam, untuk membina kesejahteraan emosi lelaki dan mengelak situasi penderaan:

□ **Akui dan urus emosi:** Kenal pasti perasaan seperti marah, sedih atau tertekan, dan salurkan dengan cara sihat. Islam mengiktiraf kebajikan mengawal kemarahan – Allah SWT memuji mereka yang "menahan marah" dalam al-Qur'an. Rasulullah SAW juga berpesan agar kita tidak terburu-buru menuruti kemarahan, malah Baginda mengingatkan "orang kuat itu ialah yang mampu mengawal dirinya ketika sedang marah".

Ini bermaksud kekuatan sebenar seorang lelaki ialah kebijaksanaan mengendalikan emosi. Tidak mengapa jika seorang lelaki menitikkan air mata kerana keinsafan atau kesedihan – menangis adalah ekspresi fitrah manusia (para nabi, termasuk Rasulullah SAW, sendiri pernah menangis). Yang penting, selepas meluahkan perasaan, gunakan ibadah dan amalan sunnah untuk menenangkan diri (misalnya berwuduk, solat, berzikir) sebagaimana dianjurkan dalam Islam.

□ **Berkongsi dan berkomunikasi terbuka:** Elakkan memendam konflik sehingga melutus menjadi krisis. Dalam keluarga Islam, suami isteri diseru untuk hidup dalam ketenangan, kasih sayang dan rahmat. Allah SWT berfirman bahawa salah satu tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan pasangan untuk menterangkan hati antara satu sama lain. Oleh itu, berbincanglah secara jujur dan lembut dengan pasangan.

Jika rasa sukar, pertimbangkan sesi kaunseling perkahwinan inisiatif seperti Program Lelaki Budiman Negara menyediakan kaunselor khusus mengikut kesesuaian mangsa (mangsa boleh memilih kaunselor lelaki atau perempuan). Dalam Islam, prinsip syura (musyawarah) digalakkan untuk mencari penyelesaian bersama; masalah yang dicurahkan dengan baik biasanya lebih mudah ditangani.

□ **Dapatkan sokongan:** Jangan segan mencari bantuan. Sekiranya mengalami penderaan, segera hubungi bantuan 24 jam seperti Talian Kasih 15999 untuk sokongan dan perlindungan. Anda juga boleh ke pejabat kebajikan masyarakat atau mendapatkan kaunseling di LPKKN. Islam mengiktiraf kepentingan rawatan moden dan kaunseling bagi masalah mental dan emosi, selagi selaras dengan syariat (halal dan thayyib).

Islam tidak memalukan orang yang mencari pertolongan sebalikinya, rawatan melalui kaunseling dan perubatan moden adalah dibenarkan. Di samping itu, pemulihan rohani seperti membaca al-Qur'an, berdoa dan solat juga sangat membantu menenangkan jiwa. Mengutuskan hubungan dengan Allah (taqarrub) adalah sebahagian daripada usaha memulihkan kesihatan emosi mengikut ajaran Islam.

□ **Rancang Pelan Keselamatan:** Keselamatan diri adalah keutamaan jika mengalami penderaan fizikal. Sediakan langkah praktikal seperti menyimpan nombor kecemasan (999, Talian Kasih), menyediakan dokumen penting, dan meminta bantuan keluarga atau sahabat untuk tempat perlindungan sementara. Ingat, Islam menghargai nyawa; setiap muslim berhak melindungi dirinya dari bahaya. Undang-undang Malaysia pula melindungi semua mangsa tanpa mengira jantina.

Sebagai contoh, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) membenarkan pengeluaran Perintah Perlindungan Interim untuk melindungi mangsa (termasuk suami) dan penderaan. Perlembagaan Persekutuan juga menegaskan semua orang sama rata di sisi undang-undang tanpa diskriminasi (termasuk jantina). Jika perlu, mangsa lelaki berhak memohon perintah mahkamah untuk melindungi diri.

Secara keseluruhan, Islam mengajurkan lelaki (dan semua orang) bersikap seimbang emosi, tegas menegaskan hak diri tetapi lemah lembut dalam berbicara. Dengan menggabungkan ketabahan rohani dan tawakal (berserah diri kepada Allah) bersama sokongan profesional dan praktik undang-undang, seorang lelaki dapat membina ketenangan jiwa dan mencegah situasi penderaan dalam rumah tangga.

Kesimpulan

Penderaan terhadap lelaki adalah realiti yang tidak boleh lagi disuap ke bawah permadani. Sudah tiba masanya masyarakat membuka mata dan menunjukkan sikap prihatin tanpa prejudis terhadap mangsa lelaki. Pada masa yang sama, lelaki sendiri perlu berani tampil bersuara jika didera dan berusaha membina kesihatan emosi yang kukuh.

Konsep lelaki qawwam mengajar bahawa lelaki sejati adalah pelindung dan pembimbing yang penyayang, bukannya pembuli. Dengan sokongan komuniti, kesedaran undang-undang, dan penghayatan nilai-nilai murni dalam agama, kita dapat melahirkan lebih ramai lelaki budiman yang bebas daripada kitaran penderaan demi kesejahteraan keluarga dan masyarakat keseluruhannya.



Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Kesihatan Komuniti, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), Universiti Sains Malaysia

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Johari

Kes kanak-kanak perempuan lemas di Lenggeng ada unsur pengabaian – Polis

Oleh NOR AINNA HAMZAH 8 Disember 2025, 6:36 pm

PORT DICKSON – Siasatan polis berhubung kematian kanak-kanak perempuan yang dijumpai tidak sedarkan diri dipercayai lemas di kolam renang sebuah kelab di Lenggeng, Nilai kelmarin mendapati ada unsur pengabaian.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Johari Yahya berkata, buat masa ini, pihaknya mengambil keterangan lima individu iaitu ibu bapa serta kakak mangsa, guru dan pegawai perubatan semalam.

“Siasatan mendapati mangsa mandi di kolam itu tanpa pengawasan orang dewasa, jadi kita siasat kes ini di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana aspek pengabaian kanak-kanak.

“Bedah siasat juga mendapati punca kematian adalah disebabkan lemas. Kita sedang dalam proses melengkapkan siasatan untuk diserahkan kepada timbalan pendakwa raya dalam masa terdekat,” katanya ketika ditemui sempena Majlis Ramah Mesra Media dan Polis, di sini hari ini. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dua kolam renang lokasi kanak-kanak lemas tidak ada lesen operasi



J. ARUL Kumar ketika ditemui pemberita di Seremban hari ini. -UTUSAN/NOR SHAFIQAH MOHD. GHAZALI

Oleh NOR SHAFIQAH MOHD GHAZALI 8 Disember 2025, 3:16 pm

SEREMBAN: Dua buah kolam renang yang menjadi lokasi insiden dua orang kanak-kanak lemas di negeri ini kelmarin tidak mempunyai lesen untuk beroperasi daripada pihak berkuasa tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan negeri, J. Arul Kumar berkata, setiap kolam renang untuk kegunaan orang awam perlulah mendapatkan kelulusan daripada PBT.

Namun dua kolam renang tersebut iaitu masing-masing di sebuah rumah kelab di Lenggeng di sini dan sebuah inap desa di Port Dickson tidak memohon kelulusan tersebut.

"Apa sahaja kolam renang yang dibuka kepada orang awam mesti mematuhi semua syarat keselamatan. Ia mesti memerlukan kelulusan dan lesen daripada PBT.

"Malangnya, ada tempat yang tidak memohon lesen dan perkara seperti ini membuka ruang kepada insiden tragis seperti kes kanak-kanak lemas.

"Kami dapati banyak inap desa dibina tanpa lesen, termasuk kolam renang yang dibangunkan sesuka hati, ia menyukarkan kawalan keselamatan. Apabila dilisenkan barulah peraturan dapat dikuatkuasakan, jika mereka tetap ingkar barulah PBT boleh ambil tindakan," katanya.

Beliau ditemui selepas Persidangan Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Ke-15 di sini hari ini.

Kelmarin media melaporkan dua insiden kanak-kanak maut selepas lemas di kolam renang dengan lokasi pertama berlaku di sebuah rumah kelab di Lenggeng di sini manakala kejadian berikutnya di sebuah inap desa di Port Dickson.

Arul Kumar memaklumkan Lenggeng dan Port Dickson antara kawasan yang menyaksikan pertambahan inap desa termasuk pembinaan kolam renang serta aktiviti sukan lasak ekstrem seperti 'flying fox' tanpa pemeriksaan struktur.

Katanya, proses pemutihan resort dan inap desa yang beroperasi di kawasan hutan telah dimulakan dan pengusaha diberi tempoh tertentu untuk mengemukakan permohonan atau berdepan penutupan.

"Jika dibina tanpa kelulusan teknikal, kolam boleh runtuh, kabel putus dan struktur tidak selamat. Ini ancaman keselamatan yang serius," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua PBT di negeri ini untuk segera melesenkan kolam-kolam renang yang dibuka kepada orang awam sama ada di premis swasta dan inap desa.

"Kerajaan negeri sedang memperincikan prosedur baharu melibatkan aspek kelulusan, pemantauan dan perlesenan bagi memastikan aspek keselamatan lebih ketat diterapkan.

"Garis panduan melibatkan operasi kolam renang akan diperkemas. Mana-mana premis yang ingin beroperasi secara awam mesti melalui proses kelulusan yang sah dan kita akan tingkatkan pemeriksaan berkala," katanya. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gambar hiasan.

Ibu, anak dera amah sehingga lecur lengan tangan direman 4 hari

Oleh MOHD. FAHMI ISMAIL 8 Disember 2025, 2:42 pm

GOMBAK – Dua beranak yang disyaki terlibat dalam kes penderaan seorang pembantu rumah tempatan telah ditahan dan direman selama empat hari bermula 8 hingga 11 Disember ini.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, perintah reman terhadap kedua-dua suspek berkenaan dibenarkan bagi membantu siasatan kes tersebut.

Beliau berkata, kedua-dua suspek merupakan warganegara tempatan iaitu seorang wanita berusia 57 tahun dan seorang lelaki berusia 30 tahun.

Katanya, siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengenal pasti kaedah serta tempoh sebenar penderaan yang dialami mangsa.

“Keadaan mangsa ketika ini dilaporkan stabil. Namun hasil pemeriksaan mendapati terdapat kesan luka di beberapa bahagian badan serta melecur pada lengan tangan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, mangsa merupakan warga tempatan dan telah bekerja di rumah majikan sejak September 2025, namun mendakwa tidak dibayar gaji sepanjang tempoh tersebut.

Tambahnya, mangsa telah diselamatkan dan kini ditempatkan di rumah perlindungan bagi keselamatan serta kebajikannya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan seorang pembantu rumah tempatan melarikan diri dari kediaman majikannya sebelum mendapatkan bantuan dan perlindungan daripada jiran berdekatan. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dua pelajar OKU di Marang mendakwa jadi mangsa amang seksual

Oleh Nazdy Harun - Disember 9, 2025 @ 12:18am



Gambar hiasan. - Foto fail NSTP/Hairul Anuar Rahim

MARANG: Polis daerah ini menerima aduan membabitkan dua pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) yang didakwa menjadi mangsa perlakuan amang seksual di asrama sebuah sekolah di sini, bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Marang, Superintenden Sofian Redzuan berkata kedua-dua kes berkenaan membabitkan mangsa dan suspek berlainan selain kejadian pada tarikh berbeza.

Katanya, mengikut laporan pertama, mangsa berusia 17 tahun yang dikategorikan sebagai OKU ketidakupayaan pembelajaran mendakwa menjadi mangsa amang seksual oleh seorang pelajar lelaki berusia 16 tahun.

"Kejadian dipercayai berlaku kira-kira jam 2 petang pada 17 November lalu di mana suspek dikatakan menyentuh kemaluan mangsa dan cuba meliwat mangsa.

"Mangsa kemudian mengadu kepada warden asrama, dan warden tersebut kemudian tampil membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Marang," katanya.

Sofian berkata kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 14(a) dan 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Katanya, bagi laporan kedua ia membabitkan mangsa berusia 13 tahun yang juga OKU 'Attention Deficit Hyperactivity Disorder' (ADHD) yang mendakwa menjadi mangsa amang seksual oleh pelajar berusia 16 tahun.

Beliau berkata, kejadian didakwa berlaku kira-kira jam 6 petang pada 20 November lalu dimana suspek dilaporkan memaksa mangsa melancap kemaluannya serta cuba meliwat mangsa.

"Kes disiasat di mengikut Seksyen 14(b) dan 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

"Siasatan lanjut sedang dijalankan dan pihak polis akan memanggil suspek yang terlibat untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan," katanya.

Sofian berkata, kejadian itu dilihat sebagai kes serius melibatkan moral dan perlakuan jenayah dalam kalangan pelajar.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dua beradik didakwa cabul sepupu lima tahun lalu

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



DUA beradik dituduh di Mahkamah Sesyen Muar selepas sepupu dedah dicabul dalam stor di Tangkak. FOTO Alias Abd Rani

Muar: Seorang abang dan adik lelakinya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini susulan sepupu perempuan membongkarkan rahsia menjadi mangsa amang seksual fizikal kedua-dua lelaki itu dalam sebuah stor, lima tahun lalu.

Kedua-dua tertuduh yang kini berusia 18 dan 25 tahun dengan adiknya berhadapan tiga pertuduhan manakala abangnya dua, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Mohd Khairi Haron.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kelima, dua beradik yang bekerja sebagai nelayan itu didakwa melakukan amang seksual terhadap sepupunya berusia sembilan tahun ketika kejadian.

Kesalahan itu dilakukan dalam sebuah stor dan juga bilik rumah di Tangkak, antara hujung Mac dan November hingga awal Disember 2020.

Oleh itu, dua beradik itu didakwa mengikut Seksyen 14 (a) dan (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017).

Mengikut laporan dibuat, mangsa dibawa ke stor terbabit sebelum kedua-dua tertuduh menyuruhnya melakukan perbuatan keji.

Tidak cukup dengan itu, kedua-dua tertuduh juga mengugut akan melakukan sesuatu terhadap mangsa sekiranya melaporkan perbuatan mereka terhadap ibu bapanya.

Namun, mangsa tidak tahan dengan tekanan dialami lalu membongkar kejadian itu sebelum laporan dibuat di Balai Polis Sungai Mati, Tangkak.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Ameerah Allaudeen manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian membenarkan abangnya diikat jamin RM8,000 manakala adiknya, RM9,000 dengan seorang penjamin.

Selain itu, mahkamah menetapkan syarat tambahan supaya kedua-dua melapor diri di balai polis berhampiran serta tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Kes disebut semula pada 24 Februari depan untuk lantikan peguam dan serahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suspek rogol warga Bangladesh ditahan di KLIA

🕒 08 Disember 2025, 6:41pm



Foto hiasan

Oleh: Ahmad Hasbi

NILAI: Seorang lelaki warga Bangladesh yang baru tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ditahan polis hari ini selepas disyaki merogol seorang remaja sehingga hamil tujuh bulan, Mei lalu.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Johari Yahya berkata, suspek berusia 31 tahun yang bekerja di sebuah kedai runcit itu ditahan di Balai Ketibaan KLIA kira-kira jam 11.44 pagi.

"Pada 30 April lalu, ibu mangsa membawa remaja ke klinik selepas mendapati terdapat perubahan pada badannya sebelum pemeriksaan yang dijalankan mendapati remaja berkenaan sudah hamil.

"Pada pemeriksaan seterusnya, pihak klinik menyarankan keluarga membuat laporan polis kerana mangsa disyaki dirogol suspek," katanya, hari ini.

Beliau berkata, selepas kejadian itu suspek melarikan diri ke Bangladesh, namun cuba memasuki Malaysia semula sebelum berjaya ditahan.

"Susulan laporan yang diterima, kami mengesan suspek di KLIA ketika kembali ke Malaysia sebelum menahannya, pagi tadi.

"Hasil siasatan suspek mengaku melakukan perbuatan itu sebanyak empat kali di sebuah kedai runcit di Taman Semarak yang mana mangsa dan suspek adalah rakan sekerja," katanya.

Johari berkata, suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Seremban esok untuk permohonan reman.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita ditemukan lemas, MPV terjunam dalam sungai

08 Disember 2025, 8:49pm



Anggota bomba membantu mengeluarkan mangsa selepas sebuah SUV terjatuh ke dalam Sungai Muar. – Foto JBPM

TANGKAK: Seorang wanita ditemukan lemas selepas kenderaan jenis MPV dipandunya terjunam ke dalam Sungai Muar, Tanjung Agas, hari ini.

Mangsa berusia 20-an disahkan meninggal dunia selepas SUV jenis Nissan Grand Livina itu dihanyutkan arus sejauh kira-kira 100 meter dari lokasi kenderaan itu terjatuh.

Difahamkan, sebelum kejadian, mangsa berseorangan datang ke pusat rekreasi terbabit untuk berehat.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tangkak, Jahairi Shukor, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 3.48 petang.

Katanya, seramai 10 anggota dengan bantuan Balai Bomba dan Penyelamat Muar bergegas ke lokasi kejadian dan mayat kemudian diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita alami masalah mental hilang di Siburan ditemukan selamat

Nasional - Dicipta: 08 Disember 2025 11:43 AM



Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) Aron Rajak, 57, telah dihentikan serta merta pada pukul 10.00 pagi, hari ini/foto RTM

SIBURAN, 8 Disember – Seorang wanita yang dilaporkan hilang tiga hari lepas ditemukan selamat pagi tadi.

Menurut Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat Siburan, Ahmad Shah Saad, mangsa Aron Rajak, 57, yang hilang di Kampung Simpok dijumpai pada kedudukan satu kilometer dari kampung itu oleh penduduk tanpa sebarang kecederaan.

"Mangsa dipercayai bersembunyi disebuah pondok di kawasan kebun sebelum membuat keputusan untuk kembali ke rumahnya.

"Kes kali ini tiada kaitan dengan unsur alam dan mangsa hanya mengalami gangguan mental," jelasnya ketika dihubungi pemberita Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Susulan penemuan itu, operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) telah dihentikan serta merta pada pukul 10.00 pagi, hari ini. Mangsa telah dibawa ke hospital umum Sarawak untuk rawatan lanjut.